

# MOSTI tambah baik khidmat terpilih kerajaan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melancarkan program 'MyHackathon' 2020 dengan fokus mencari penyelesaian segera dalam menambah baik perkhidmatan terpilih kerajaan yang terkesan akibat COVID-19.

Program diterajui Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle Fund) ini antara inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dalam mencipta penyelesaian digital.

Ketua Pegawai Eksekutif Cradle, Rafiza Ghazali, berkata program itu diwujudkan untuk usahawan dan bakal usahawan melahirkan serta meraikan semangat tekad menghasilkan idea penyelesaian kreatif bagi membantu menambah baik perkhidmatan awam, sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Katanya, pemenang siri MYHackathon 2020 akan menerima geran mengikut kategori disediakan.

"MYHackathon 2020 menyediakan ekosistem untuk *technopreneur* permulaan dan sedia ada mendapat pendedahan, dipupuk serta berkembang dengan sokongan kementerian dan agensi yang mengambil bahagian.

"Mereka yang berumur 18 tahun ke atas boleh berkolaborasi dalam pasukan dua hingga lima orang dan menyertai secara sukanya bagi menyuarakan idea atau dengan memberi komitmen jangka panjang," katanya pada sidang media selepas pelancaran MYHackathon 2020 di sini, semalam.

Rafiza berkata, setakat ini pihaknya menerima 520 permohonan dan Cradle Fund memperuntukkan dana RM15 juta bagi prog-

ram MyHackathon 2020.

MYHackathon 2020 terbahagi kepada dua kategori, *Sprint* dan *Marathon*. Kategori *Sprint Ideation* terbuka kepada rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas, manakala *Marathon* untuk mereka yang komited melihat perubahan dan menyelesaikan masalah yang sudah dikenal pasti.

Pemenang kategori *Marathon* akan terus dapat membina penyelesaian dalam masa 12 bulan sehingga mencapai tahap perintis.

Secara keseluruhan, sepanjang siri MYHackathon 2020, seramai 18 pemenang daripada kategori *Sprint* bakal memenangi sehingga RM10,000 setiap kumpulan, manakala geran bersyarat sebanyak RM250,000 daripada Cradle Fund pula bakal dimiliki 18 pemenang kategori *Marathon*.



**MYHackathon**

**2020**

**menyediakan ekosistem untuk technopreneur permulaan dan sedia ada mendapat pendedahan, dipupuk serta berkembang dengan sokongan kementerian dan agensi yang mengambil bahagian.**

**Rafiza Ghazali,**  
Ketua Pegawai Eksekutif Cradle